

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

31 hb Disember, 1970

Tuan,

SURAT PEKELILING BIL. 25 Tahun 1970

**Permohonan2 daripada Pegawai2 dalam Perkhidmatan
Kerajaan untuk jawatan2 lain di-bawah Perintah
Am Bab 'A' 9**

Ada-lah saya di-arah menarek perhatian tuan kepada Surat Pekeliling Surohanjaya Perkhidmatan Awam Bilangan 2 tahun 1963 Berhubung dengan perkara yang sama seperti di-atas, di-maalomkan bahawa terdapat di-masa2 yang akhir ini keadaan dalam mana permohonan2 daripada pegawai2 yang berkhidmat dalam perkhidmatan gunasama seperti terta'alok di-bawah [Perintah2 Am Bab 'A' 41](#) untuk jawatan2 Kerajaan yang lain, terus di hantar kepada Surohanjaya berkenaan tanpa salinan ka-Jabatan ini yang menjadi Ketua Perkhidmatan bagi pegawai2 tersebut.

2. Oleh yang demikian ada-lah di-jelaskan bagi tujuan pemakaian [Perintah2 Am Bab'A' 9](#), segala permohonan2 yang hendak di-kemukakan ka-Surohanjaya berkenaan mesti-lah disalinkan juga ka-Jabatan ini.

Saya yang menurut perintah,

(MAHMUD BIN TAIB)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Setia Usaha,
Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur.

Ketua Setia Usaha Kementerian2.

Ketua Pengarah Jabatan2 Persekutuan.

Yang Berhormat Setia Usaha2 Kerajaan Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang.